

nafahat yang ku dengar dari junjunganku

Sidna Syeikh Abdun Nasir

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

NAFAHAT YANG KU DENGAR...

siri 3



Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Cetakan Pertama : ZulHijjah 1436H - September 2015M

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA SYEIKH ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad

Reka Bentuk kulit dan Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia



Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Pustaka Sufi Arab - Terjemahan Melayu
Rahmat Muhamad



Nafahat Yang Ku Dengar

dari jujunganku

Sidna Syeikh Abdun Nasir

–نفعنا اللّٰه به–

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

alih bahasa :
Rahmat Syazili

-siri 3-

Daftar Isi



Sidna As-Syeikh Al-Kamil
As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili

Sekapur Sireh



الحَمدُ لِلهِ رَبِّ العَالَـمِين * اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّم وَبَارِك عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ وَذُرِّيَّتِهِ الـمُبَارَكِينَ وَصَحَابَتِهِ الأَكرَمِينَ وَأَزوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الـمُؤمِنِينَ صَلَاةً مَوصُولَةً تَتَرَدَّدُ إِلَى يَومِ الدِّينِ * وَبَعدُه؛

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dariNya sekarang terbitlah siri ketiga dari koleksi terjemahan Melayu artikel guru murrobbi kami Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni putera kota Madinah Al-Munawwarah dari asal teks Bahasa Arabnya yang beliau siarkan secara berterusan di laman Facebook sejak bertahun-tahun.

Penulisan beliau yang menyentuh berbagai topik dan secara khusus memfokus kepada usaha-usaha untuk menghidupkan kembali hati dan naluri insan Muslim dan nonmuslim di zaman kita telah membuka

mata, akal dan sanubari kami murid-murid beliau di tanah air, ia telah membantu memperbetul berbagai kesalahfahaman kami serta meluruskan halatuju dalam hidup untuk menempuh jalan menuju ALLAH.

Maka inilah kami bukukan artikel-artikel Syeikh kami itu buat peringatan dan obor menerangi hayat... untuk kita sekarang dan buat generasi yang mendatang.

وَاللهُ وَلِيُّ التَّوفِيقِ وَالسَّدَادِ وَإِلَيهِ المَرجِعُ وَالمَعَادُ.

-Penerbit-






Di Akhir Zaman

26 Mac 2014

قال سيدنا ومولانا رسول الله صلى الله عليه وسلم : (سيأتي زمانٌ على أمتي لا يبقى من الإسلام إلا اسمه ، ومن الإيمان إلا رسمه ، ومن القرآن إلا حرفه ، همهم بطونهم ، دينهم دراهمهم ، قبلتهم نساؤهم ، لا بالقليل يقنعون، ولا بالكثير يشبعون).

Telah bersabda Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم ***:***

"Akan datang kepada ummatku satu zaman dimana Islam hanya akan tinggal namanya, Iman hanya akan akan tinggal kulitnya, Al-Quran hanya akan tinggal hurufnya, yang menjadi kepentingan mereka hanya perut mereka, agama mereka adalah dinar dan dirham mereka, kiblat mereka adalah wanita-wanita mereka, dengan

yang sedikit mereka tidak merasa cukup, dengan yang banyak mereka tidak merasa puas".

عن الصحابي الجليل سيدنا علي بن أبي طالب رضي الله عنه وأرضاه وكرم الله وجهه قال : قال سيدنا ومولانا رسول الله صلى الله عليه وسلم : (يوشك أن يأتي على الناس زمان لا يبقى من الإسلام إلا اسمه، ولا يبقى من القرآن إلا رسمه، مساجدهم عامرة وهي خراب من الهدى، علماؤهم شر مَن تحت أديم السماء، مِن عندهم تخرج الفتنة وفيهم تعود).

Dari sahabat mulia Saiyidina Ali Bin Abi Tholib رضي الله عنه وأرضاه وكرم الله وجهه***, telah bersabda Saiyidina wa Maulana Rasulullah*** صلى الله عليه وسلم ***:***

"Hampir akan datanglah kepada umatku suatu zaman; Islam hanya tinggal namanya, Al-Quran hanya tinggal tulisannya, masjid-masjid mereka meriah namun ia gersang dari hidayat, alim ulama mereka adalah sejahat-jahat makluk di bawah kolong langit; dari merekalah fitnah terbit dan kepada merekalah fitnah itu kembali".

عن الصحابي الجليل سيدنا أبي هريرة رضي الله عنه وأرضاه عن سيدنا ومولانا النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : (بدأ

الإسلام غريباً ، وسيعود غريباً كما بدأ، فطوبى للغرباء).

رواه سيدنا الإمام مسلم رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به

Dari sahabat mulia Saiyidina Abu Hurairah رضي الله عنه وأرضاه***, sabda Saiyidina wa Maulana Rasulullah*** صلى الله عليه وسلم ***:***

"Islam itu bermulanya dagang dan ia akan kembali menjadi dagang seperti permulaannya, maka berbahagialah bagi mereka yang dagang".

Hadis riwayat Saiyidina Al-Imam Muslim رضي الله عنه ونفعنا به***.***

عن الصحابي الجليل سيدنا أنس بن مالك رضي الله عنه وأرضاه قال : قال سيدنا ومولانا رسول الله صلى الله عليه وسلم : (يأتي على الناس زمان القابض على دينه كالقابض على الجمر). رواه سيدنا الإمام الترمذي رضي الله عنه وارضاه ونفعنا به.

Dari sahabat mulia Saiyidina Anas Bin Malik رضي الله عنه وأرضاه***, sabda Saiyidina wa Maulana Rasulullah*** صلى الله عليه وسلم***:***

"Akan datang kepada manusia satu zaman di mana orang yang menggenggam agamanya ibarat menggenggam bara api".

Hadis riwayat Saiyidina Al-Imam At-Tirmizi رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به.

عن الصحابي سيدنا ثوبان قال : قال سيدنا ومولانا رسول الله صلى الله عليه وسلم : (لا تزال طائفة من أمتي ظاهرين على الحق لا يضرهم من خذلهم حتى يأتي أمر الله وهم كذلك).

Dari sahabat mulia Saiyidina Tsauban رضي الله عنه وأرضاه***, sabda Saiyidina wa Maulana Rasulullah*** صلى الله عليه وسلم ***:***

"Akan tetap ada satu thoifah di kalangan umatku yang menzahirkan kebenaran, mereka tidak ditimpa mudarat dari para penentang mereka hinggalah datang ketetapan ALLAH dan mereka tetap begitu".



Kenali Ia Melalui Lawannya -1

24 Mac 2014

Sudah berkali-kali aku mendengarkan kalimat-kalimat ini dari Sidna Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه lalu dek kerna itu sukalah aku mengumpul apa yang tercapai oleh tanganku segala tuduhan dan hujatan ke atas Tasawuf dan kaum sufi/as-sufiyyah

supaya kita beroleh pencerahan, hidayah dan istiqamah… supaya kita tahu apa titik kekuatan dan kelemahan kita tanpa melulu ke kiri atau ke kanan… bahkan dengan mengiktiraf budi para budiman… bahkan dengan maghfiroh, dengan tolerensi, memaafkan semua, bersama semua dan dalam semua.

Supaya kita tahu ke mana arah tuju dalam perjalan yang sangat panjang dan sangat pendek ini…

supaya kita tahqiq (merealisasikan) hikmah sedirham berpantang lebih baik dari sepikul ubat

supaya kita membersihkan apa yang dapat dibersihkan pada arena kesufian dari segala benda baru yang

direka-reka oleh mereka yang mendakwa diri sufi, yang menyebok dan yang merosak di arena ini

supaya kita menetapkan apa yang boleh ditetapkan dan mengingkari apa yang boleh diengkari serta memurnikan apa yang boleh dimurnikan

supaya kita dapat mengiktiraf kejahilan diri kita walau setinggi mana pencapaian ilmu, eksperimen, pengalaman dan kefahaman kita

supaya kita sampai ke titik asas bahawa setiap syeikh kamil itu adal jalan tareqatnya yang tersendiri dan masyrabnya yang khususi… dan wajib menghormati beliau itu tanpa bersikap fanatik dan tanpa asobiyyah

Dek kerna itu wajiblah kita menjulang syiar berbaik sangka kepada semua

dan tiap syeikh punya keuzuran tersendiri dalam kalangan murid dan daerah beliau

juga menunaikan adab, aadab, cinta, mahabbah dan takzim kepada semua masyaikh yang kamil lagi ahlil wishol -moga ALLAH meredhoi mereka dan mencapaikan keredhoan buat mereka, dan semoga ALLAH mengurnia kita kemanfaatan mereka-.



Kenali Ia Melalui Lawannya -2

27 Mac 2014

Kita teruskan dengan membentang kata-kata ahli engkar dan para penentang ahli Tasawuf dan kaum as-sufiyyah yang Islami lagi sunni… dalam masa yang sama kita juga harus jujur dengan diri sendiri...

apakah seperti tuduhan itu memang kita melakukannya atau tidak… apa pula alasan kita = hujjah pembelaan kita = penjelasan kita = kefahaman kita…

Kata mereka kaum sufi dan tasawuf…:

1- menjadikan nyanyian sebagai syiar

2- tarian sebagai taqarrub

3- pertemuan beserta jamuan sebagai kebiasaan dan kemestian

4- bebas bercampur dengan perempuan bukan mahram satu perkara biasa lagi tidak diengkari

5- berbual bersembang dengan perempuan bukan

mahram sampai malam buta dibolehkan dan tidak dikeji

6- mereka tak tahu menundukkan pandangan mata

7- mereka tidak mencermati adab-adab syariat dan batas-batas akhlak

8- ada yang meletakkan syeikh mereka dalam hati sampai ke tahap ibadat

segala kesusahan mereka adukan kepada syeikh

dalam segala kesulitan mereka seru syeikh

9- pada mereka syeikh ibarat nabi di sisi kaumnya

bahkan boleh jadi mereka mentakzim syeikh lebih tinggi dari para nabi;

mereka menunduk kepala kepada syeikh sampai sujud

mereka membuka tutup kepala mereka di hadapan syeikh

mereka amat takut dengan kemarahan syeikh dan hukuman batinnya yang ghaib

mereka percaya syeikh boleh bercakap apa saja dan lidahnya masin

syeikh boleh mematikan yang hidup

syeikh boleh menyembuhkan yang sakit

syeikh boleh meluncurkan panah batinnya lalu

membunuh siapa yang dikehendaki

10- di kalangan mereka ada juga orang-orang cerdik yang tahu semua itu tidak benar… tapi oleh kerana dengan takzim kepada para syeikh mereka akan diketuakan orang maka mereka pun menegakkan kemegahan para syeikh mereka itu demi kepentingan peribadi mereka

11- mereka tak tahu halal haram, mereka tak tahu warak meninggalkan larangan lagi tak tahu hormat hukum hakam

12- bila datang kepada mereka simpatisan yang cenderung kepada mereka = murid = minta ditunjuk jalan menuju ALLAH maka mereka akan mentaubatkan dia kemudian tidak diajar tentang hukum hakam ALLAH dan perintahNya… memanglah begitu kerena mereka jahil ilmu hukum hakam lagi tidak beramal mengerjakannya

13- mereka tidak menyuruh murid-murid mereka untuk menekuni ibadat dengan baik… tidak juga menyuruh belajar sungguh-sungguh tentang pengetahuan syariat… baik dalam soal kewajiban-kewajiban bersuci yang dan segala sunnahnya… baik dalam soal kewajiban-kewajiban solat dan sunnah-sunnahnya…

Di sini telah saya senaraikan 13 point beserta cabang-cabangnya untuk kita menilai kedudukan kita terhadap segala tuduhan dan kritikan ini

Apakah kata-kata ahli engkar ini mereka utarakan dengan niat baik atau buruk…

Apakah yang mereka utarakan ini berdasarkan pengalaman dan keadaan yang berlaku atau bertitik tolak dari cerita palsu, untuk memecah belah dan menyebar berita dusta…

Apakah tujuan mereka mengutarakan semua ini untuk memperbaiki umat atau meruntuhkannya…

Apakah mereka memperkatakan semua ini dengan dasar ilmu, kewarasan akal, faham, pemerhatian yang teliti, pandangan mata hati atau dengan kejahilan dan kerana memenangkan hawa nafsu mereka.

Dari pihak yang bertentangan pula apakah kita selaku ahli tasawuf dan kaum sufi… dari masyrab As-Syazili Al-Masyisyi yang soheh lagi jelas...

apakah cerita-cerita ini benar… apakah kita menyaksikannya ada dalam tareqat kita yang diberkati ini

boleh jadi senarai tuduhan ini ada faedahnya untuk kita lalu dikernakan itu saya sebutkan di sini supaya kita tahu betapa besarnya kurnia ALLAH kepada kita lalu sentiasa kita mensyukuriNya selama-lamanya.

Juga dari sudut pandang lain yang penting… untuk kita menjulang panji-panji dan syiar berbaik sangka… wajiblah kami menyatakan analisa yang ala kadarnya ini :

Boleh jadi yang berlaku sebenarnya ialah khilaf dalam memahami, lalu terbitlah tuduhan-tuduhan keras yang boleh jadi juga tuduhan jahat yang menjauhkan kaum Muslimin dari roh Islam

1- Ahli maqam Islam ada bahasanya, ada kefahamannya, ada ilmu-ilmunya, ada amalan-amalannya, ada ibadatnya, ada zikirnya dan ada golongan yang mencintai mereka serta ada yang memusuhi mereka.

2- Ahli maqam Iman ada bahasanya, ada kefahamannya, ada ilmu-ilmunya, ada amalan-amalannya, ada ibadatnya, ada zikirnya dan ada golongan yang mencintai mereka serta ada yang memusuhi mereka.

3- Ahli maqam Ehsan ada bahasanya, ada kefahamannya, ada ilmu-ilmunya, ada amalan-amalannya, ada ibadatnya, ada zikirnya dan ada golongan yang mencintai mereka serta ada yang memusuhi mereka.

Titik penting yang wajib diketahui dan jangan kita lupai bahawa ahli tasawuf dan kaum sufi mengharap dan menginginkan pencapaian kepada maqam-maqam Ehsan dengan kurnia budi, rahmat, hidayat, inayah dan taufik dari ALLAH سبحانه وتعالى.



Kenali Ia Melalui Lawannya -3

27 Mac 2014

Kita sambung lagi tentang tuduhan dan kritikan atas tasawuf dan kaum sufi Islami Sunni… apakah tuduhan dan kritikan itu sebenarnya wujud pada golongan engkar dan para penentang lalu mereka menempelnya kepada orang lain… atau apa sebenarnya ???

Dalam masa yang sama wajiblah kita jujur terhadap diri sendiri… kita menghitung diri sendiri sebelum kita dihitung… kita timbang segala amalan, tindakan, interaksi, dan gerak diam kita waktu sendiri dan ramai sebelum kita dihitung.

Kata mereka kaum tasawuf itu :

1- tidak mengkoreksi tingkah laku zahir diri mereka

2- tidak mengawasi batin diri mereka

3- tidak menjaga batasan syariat

4- tidak sungguh-sungguh mengamal segala adab

Saiyidina wa Maulana Rasul صلى الله عليه وسلم pada amal ibadat dan kebiasaan harian Baginda, sebaliknya yang menjadi kesungguhan mereka ialah perjalanan hidup syeikh agung mereka

5- mereka menghadiri majlis sama' (nyanyian sufi) selepas isya'

mereka percaya para rijalul ghaib turut menghadirinya

jelas dilihat bahawa syeikh mereka amat komited untuk bersama pada waktu ini dan menghimpun hemah padanya

6- bila masuk waktu solat mereka pun sembahyang dengan laju macam patuk burung gagak

nasib baiklah habis cepat lalu meluru keluar ke majlis sama'… meluru ibarat orang terpenjara dalam rumah gelap gelita dapat keluar ke ruang lepas

7- mereka musafir berkelompok membawa bersama penyanyi dan bendera lelaki dan perempuan menyertai mereka untuk mengadakan majlis sama'

8- kaum wanita dengan wajah terbuka mengambil tempat di keliling kaum lelaki mereka kadang-kadang yang wanita tidur di tempat itu demi mengharapkan pahala

9- perjalanan buta seperti ini apakah akan lestari wujudnya kalau bukan di sebuah negara hitam gelap…

sebaliknya perjalanan yang terang bercahaya tentu lestari di sebuah negara yang putih bersih.

Untuk apa segala serangan ini ditujukan kepada junjungan sufi…

dan kamu wahai para pengingkar tidak adakah pada diri kamu segala kecelaan, tuduhan dan penyakit ini… atau apa sebenarnya…

semoga ALLAH merahmati orang yang menunjukkan aku keaiban diriku

semoga ALLAH mengampuni siapa yang menuduh kita agar dengan tuduhan itu kita dapat memperbaiki keaiban kita

Allahumma amin.

Kesimpulan & Intisari :

Tanpa kewujudan masyaikh yang kamil, mukammil, washil dan muwasshil...

maka takkan ada faedahnya pengetahuan tentang perjalanan kesufian, tiada faedahnya tahqiq dalam suluk dan tak ada faedahnya perjalanan para kembara

Banyak kali aku mendengar ucapan dari Sidna Syeikh رضي الله عنه وأرضاه … bahawa tasawuf yang soheh dan terang itu… tak mungkin bagi golongan mungkirin dapat mengingkarinya kerana ia sejajar dengan Islam, Iman dan Ehsan bahkan tasawuf yang soheh dan terang itulah Islam Iman dan Ehsan.

Walhamdu lillahi robbil `alamin.

= = = = = = = = = = =

kamil : sempurna

mukammil : menyempurnakan

washil : sampai

muwasshil : menyampaikan



Bicara Murid Kepada Syeikh Murobbi Jiwa Raganya -1

3 Jun 2014

Ya Saiyidi… aku bicara dengan lisanmu
aku berbelanja dari milikmu.
ku beroleh madad darimu
dirimulah Tuan menjadi lidahku
sedang aku tak punya apa suatu
segala yang terzahir dariku
adalah darimu dan untukmu.
Di hadratmu aku bagaikan mayat
kepada tukang mandi
yang dibalikkannya sekehendak hati padamu
Tuan, padamu tak terucap kata kenapa ?
Atau mengapa ? Atau bagaimana…
Kemaafan…kemaafan…kemaafan… adalah dari

ciri para budiman.

Allahumma jadikanlah kami dari golongan Muhsinin itu.



Bicara Murid Kepada Syeikh Murobbi Jiwa Raganya -2

4 Jun 2014

Ya Tuanku…hamba ingin menghias jiwa dengan tawadhu'
yang ianyalah pintu dampingan…

bagaimana itu????

Syeikh menjawab :

Musafirlah dikau meninggalkan sombong

bencilah pada ujub

tinggalkan mementing diri

larilah dari hasad dengki

dan buanglah marah.

Semua ini tiada wujudnya di rumah sakit,

tidak di farmasi, tiada pada konsultan,

tiada pada pengkaji, juga tidak pada doktor pakar

hanya adanya pada

mengkhidmati zawiyah dan syeikh

hingga diputuskan darimu kenakalan nafsu dengan mujahadah

lalu dipalingkan nafsu itu dari kebiasaannya

yang keji tak tentu arah.

Allahumma Robbana jadikanlah kami

beserta mereka yang arifin dan muqorrobin

Allahumma amin ya Robbal `alamin.



Bicara Murid Kepada Syeikh Murobbi Jiwa Raganya -3

18 Jun 2014

Ya Saiyidi,
hamba mendambakan wushul

dan menjadi ahlil qurb

bagaimana itu…

Sidna Syeikh رضي الله عنه وأرضاه pun berkata padanya :

Hendaklah engkau melazimi…

1-As-Shofa (kemurnian)

bertolak ansur, timbang rasa, memaafkan,

dan berdamai pada yang terdahulu, sekarang dan akan datang.

2-Al-Wafa' (kesetiaan)

engkau ingat dan tak lupa pada kebaikan orang padamu,

engkau membalas kebaikan dengan kebaikan

dan engkau mengutamakan yang lebih baik
engkau tidak sekali-kali
mengingati kebaikanmu pada mereka
tidak walau sedetik…
dan ini takkan sempurna tercapai melainkan engkau :
1-Tidak terkait dengan suatu apa dari perkara dunia,
khususnya duniamu dan dunia mereka…
tinggalkan dan larilah dari itu semua.
2-Menahan marahmu dan sanggup bertahan,
lagi engkau sanggup menanggung kesakitan
dari mereka yang engkau kenal dan tidak kenali…
maafkan saja dan lupakanlah.



Hijab Penuju Akhirat

3 November 2013

Ujub dan rasa taajub dengan diri
merupakan satu hijab (penghalang) besar
dalam jalan menuju Akhirat.
Kerna itulah
nafsu kita ini perlu kepada syeikh murobbi
(tuan guru yang mendidik)
agar dapat kita merawat diri dari penyakit itu,
menghindarinya, lari
dan lepas selamat darinya.
Allahumma Robbana selamatkanlah kami,
perjalankanlah kami pada suluk (jalan tarbiyyah)
dengan keberkatan sanad dan kekasih kami.



Semoga ALLAH Meredhoi Para Masyaikh Kamil -1

وأرضاهم وشرفنا ونفعنا الله بهم

24 September 2013

Kalangan Masyaikh yang Kamil berkata: Barangsiapa masuk dalam tareqat dan madrasah kami maka hendaklah dia menjadikan pada dirinya itu ada empat kematian;

1- Mati Putih : iaitu banyak berpuasa, sedikit bercakap dan sedikit tidur.

2- Mati Hitam : iaitu menanggung kesakitan yang ditimpakan oleh makhluk.

3- Mati Merah : iaitu berterusan dan istiqamah dalam amalan (banyak beramal zikir, wirid, hizib, ratib…) … dan menyalahi kehendak hawa.

4- Mati Hijau : Redho, tidak mengadu dan muwafaqoh (setuju) (ertinya engkau berada di mana saja ALLAH الحق سبحانه وتعالى berada).

Adapun orang mukmin itu merupakan hamba yang bersangatan merafakkan doa kepada ALLAH Subhanahu wa Taala siang dan malam…

Demi ALLAH sentiasalah berterus-terusan orang-orang beriman mengucapkan Allahumma Robbana… Robbana… Robbana… baik tika sembunyi maupun terang-terangan hinggalah doa mereka dimustajabkan.

Bergeraklah kamu sekelian menuju ALLAH Taala walau dalam keadaan tempang serta patah riuk dan janganlah menunggu sehingga sihat… sesungguhnya menunggu sihat itu pengangguran.

Semoga ALLAH meredhoi mereka sekelian dan mencapaikan keredhoan buat mereka.

Allahumma adabkanlah kami dengan peradaban mereka dan akhlakkanlah kami dengan akhlak mereka… Allahumma amin.



Semoga ALLAH Meredhoi Para Masyaikh Kamil -2

وأرضاهم وشرفنا ونفعنا الله بهم

27 September 2013

Saiyidina Bisyr bin Al-Harits رضي الله عنه وأرضاه berkata:

Aku telah bermimpi melihat Junjungan Saiyidina wa Maulana An-Nabi صلى الله عليه وسلم, maka bersabdalah Baginda kepadaku :

"Ya Bisyr, tahukah engkau mengapa ALLAH mengangkat kedudukanmu lebih tinggi dari rakan-rakanmu?"

Jawabku : "Tidak hamba tahu ya Saiyidi ya Rasulallah…",

Maka sabda Baginda صلى الله عليه وسلم :

"Kerana

1- Engkau mengikut sunnahku.

2- Engkau mengkhidmati para Solihin.

3- Engkau menasihati para Ikhwanmu.

4- Engkau mahabbah kepada para Sahabatku dan Ahlul Baitku…

itulah yang mencapaikan engkau kepada kedudukan para Abror”.

Allahumma Robbana sepertimana Engkau telah memuliakan mereka… muliakanlah kami sekalian.

Allahumma amin.



Semoga ALLAH Meredhoi Para Masyaikh Kamil -3

وأرضاهم وشرفنا ونفعنا الله بهم

27 September 2013

Kalangan Masyaikh yang `Arifin telah berkata: "Jika datang bagimu suatu hajat maka turunkanlah ia dengan Allah… namun jika ada bagi nafsumu pada hajat itu suatu kepentingan maka terhijablah engkau dari ALLAH.

Dan barangsiapa tahu bahawa ALLAH jualah yang mencukupkan keperluannya nescaya dia takkan rasa sepi dari berpalingnya makhluk terhadapnya…

lagi dia takkan rasa mesra dengan berdatangannya makhluk kepadanya…

yang demikian itu kerana percayanya dia terhadap apa yang telah dibahagikan untuknya… takkan terlepas darinya… walaupun mereka berpaling darinya…

dan yang tidak dibahagikan untuknya… takkan sampai

kepadanya walaupun mereka berdatangan kepadanya".

Kalangan masyaikh yang `Arifin juga telah berkata:

"Umat kita ini telah dinafikan dari mereka hukuman gempa ditelan ke perut bumi kerana ALLAH Taala memuliakan Junjungan Nabi dan Rasul kita Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم...

akan tetapi gempa hati tidak dinafikan dari mereka (نعوذ بالله من ذلك)

Ayohai insan yang dihukum gempa pada makrifat dan hatinya ...betapa ghaflahnya engkau tak sedar dirimu ditimpa bencana dan bala...segeralah berpantang dan carilah penawar sebelum fana dirimu dan matinya ...

Ayohlah kita mengalir air mata sesal...atas bala maksiat yang lebih besar dari segala bala...mudah-mudahan saja Ilahi...sudi mengurnia kepada kita... aduh lamanya dah terpenjara di perpisahan nan getir...duhai jiwaku jangan kau tinggal kesedihan walau sedetik...duhai mataku inilah saatnya untuk aku menangis...

Allahumma Robbana pimpinlah tangan kami dan janganlah Engkau membiarkan kami kepada nafsu kami barang sekerdip mata dan tidak juga lebih sedikit dari itu , يا نعم المجيب.



Semoga ALLAH Meredhoi Para Masyaikh Kamil -4

وأرضاهم وشرفنا ونفعنا الله بهم

30 September 2013

Kalangan Masyaikh yang Kamil telah berkata: Dihikayatkan bahawa ada seorang wanita tinggal di sebuah rumah bersebelahan dengan istana menteri… adapun rumahnya [yang seadanya itu] kelihatan mencacatkan pemandangan istana.

Setiap kali menteri cuba untuk membeli rumahnya wanita itu enggan menjual.

Satu hari si wanita keluar bermusafir maka sang menteri pun memerintahkan rumah itu dirobohkan. Apabila kembali dari permusafiran… wanita itu bertanya: "Siapa yang merobohkan rumahku??? Kata orang kepadanya: "Menteri".

Wanita itu mengangkat matanya memandang ke langit seraya berkata: "Ilahi ya Tuhanku, hamba telah meninggalkan rumah ini namun Engkau tetap hadir,

Engkaulah Tuhan yang Maha Menolong hamba yang dhaif lagi engkaulah Tuhan yang membantu hamba yang dizalimi…", kemudian dia duduk.

Lalu keluarlah menteri dengan para pengiringnya… apabila dilihatnya wanita itu menteri pun mengherdik: "Apa yang kau tunggu di sini ?????.....

Jawab si wanita: "Aku menunggu saat kehancuran istanamu"…

Sang menteri hanya memperlekehkan kata-kata wanita itu sambil mentertawakannya. Apabila malam datang menteri dan istananya pun tenggelam ditelan bumi… pada puing-puing dinding istana itu tertulis bait syair berikut:

Apakah engkau mengejek doa dan memperlekehkannya?! Engkau tak tahu kuasa doa… panah meluncur di malam gelita…pasti kan mengena walau belum sampai masanya inilah kehendak Ilahi… engkau sekarang menyaksikannya mana sang menteri… dari sisimu sudah sirna.

Inilah balasan bagi yang merobohkan rumah orang!!!... Lalu apakah balasan bagi yang menyakiti ahli rumah ???.... Apa balasan bagi yang melukakan hati orang???... Apa balasan bagi yang meruntuh akal fikiran orang dan merosakkannya????

Dan ketahuilah bahawa doa itu intipati ibadah.



Semoga ALLAH Meredhoi Para Masyaikh Kamil -5

وأرضاهم وشرفنا ونفعنا الله بهم

30 September 2013

Kalangan Masyaikh yang Kamil telah berkata: "Dunia yang berandam lengkap dengan segala perhiasan dan syahwatnya telah ditawarkan kepadaku… lalu aku berpaling darinya.

Kemudian ditawarkan pula Akhirat yang lengkap dengan bidadari, mahligai dan perhiasannya… lalu aku berpaling darinya.

Lalu dikatakan kepadaku :

Jika engkau menerima dunia nescaya Kami hijab engkau dari Akhirat… dan jika engkau menerima Akhirat nescaya Kami hijab Engkau dari Kami… maka inilah Kami untukmu… dan bahagianmu di dunia dan Akhirat akan mendatangimu".

Saya (penulis) berkomentar : Ini adalah kalam nan indah dan hebat tentang alam maknawi.

Allahumma makrifatkanlah kami dan tahqiqkan kami pada yang kami baca dan dengari.

Allahumma amin.



Semoga ALLAH Meredhoi Para Masyaikh Kamil -6

وأرضاهم وشرفنا ونفعنا الله بهم

5 Oktober 2013

Kalangan Masyaikh yang kamil telah berkata: Para Solihin ramai -walhamdulillah-… tapi para Sodiqin sikit -wala hawla wala quwwata illa billahil `aliyyil `azhim-.

Para Sodiqin adalah mereka yang hidup menghayati Allah… dengan ALLAH… bersama ALLAH… demi ALLAH.

Mereka kenal hakikat dunia… lalu menjadikannya ladang Akhirat… mereka memakmurkan dunia dengan zikir, majlis zikir, ibadat dan ketaatan…

Mereka memurnikan jiwa mereka dengan tarbiyyah pedang mukhalafah (menyalahi kehendak hawa nafsu)… mereka menuruti firman ALLAH Tabaroka wa Taala dan beroleh didikan dari Murobbi yang washil dan Syeikh yang kamil

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ اتَّقُواْ اللّهَ وَكُونُواْ مَعَ الصَّادِقِينَ﴾

.“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada ALLAH dan hendaklah kamu bersama mereka yang Sodiqin” - At-Taubah: 119

Adapun golongan Sodiqin yang ALLAH perintahkan kita untuk suhbah (mendamping) mereka adalah :

﴿مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُم مَّن قَضَى نَحْبَهُ وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلا﴾.

“Di kalangan mereka yang beriman itu, ada para Rijal yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah; maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikit pun” - Al-Ahzab: 23

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُوْلَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ﴾.

“Sesungguhnya mereka yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada ALLAH dan RasulNya, kemudian mereka

(terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah golongan sodiqin (yang benar pengakuan imannya) Al-Hujurat: 15

(لِلْفُقَرَاء الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِن دِيَارِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُوْلَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ).

"(pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir muhajirin, yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada agama Allah), untuk mencari limpah kurnia dari ALLAH dan keredaanNya, serta menolong (agama) ALLAH dan RasulNya; mereka itulah golongan Sodiqin (yang benar iman dan amalnya)" Al-Hasyr: 8

(ليس البر ان تولوا وجوهكم قبل المشرق والمغرب ولكن البر
من امن بالله واليوم الاخر والملائكة والكتاب والنبيين واتى
المال على حبه ذوي القربى واليتامى والمساكين وابن السبيل
والسائلين وفي الرقاب واقام الصلاة واتى الزكاة والموفون

بعهدهم اذا عاهدوا والصابرين في الباساء والضراء وحين الباس اولئك الذين صدقوا واولئك هم المتقون).

"Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, hari Akhirat, segala malaikat, segala kitab dan sekalian Nabi, dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, -kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat, dan perbuatan mereka yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan mereka yang sabar dalam masa kesempitan, dalam masa kesakitan, dan juga ketika pertempuran dalam perang Sabil. (Mereka yang demikian sifatnya) itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa" - Al-Baqarah: 177

(وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوْا الْبُيُوتَ مِن ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنِ اتَّقَى وَأْتُواْ الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُواْ اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ).

"...dan bukanlah perkara kebajikan itu kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram) akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa; dan masuklah ke rumah (kamu) itu melalui pintunya, serta bertaqwalah kamu kepada ALLAH supaya kamu berjaya" - Al-Baqarah: 189

Allahumma Robbana jadikanlah kami pelayan dan para khadam kepada golongan Sodiqin, jadikanlah kami sekalian bersama mereka yang Sodiqin, bangkitkanlah kami bersama golongan Sodiqin, hantarkanlah kami bersama para Sodiqin dan masukkanlah kami dalam berbagai tingkatan golongan Sodiqin.

Allahumma amin



Yang Pertama Dari Kataku

9 Oktober 2013

Allahumma Robbana sesungguhnya aku berlepas diri dari daya dan upayaku lalu berserah kepada daya dan upayaMu... ya Qowiyy ya ALLAH

تبرأت من حولي وفعلي وأقوالي * إلى حول ربي فهو أول أقوالي

"Aku berlepas diri dari upayaku, dari perbuatanku, dari perkataanku

berserah ku pada upaya Robbi

inilah yang pertama dari kataku".



Nafahat Yang Ku Dengar Dari Junjunganku Sidna Syeikh Abdun Nasir -1

-نفعنا الله به-

5 Oktober 2013

Beliau berkata:
Telah bersabda Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

(البر : حسن الخلق والإثم : ما حاك في نفسك وكرهت أن يطلع عليه الناس)

"Amal bakti adalah akhlak, adapun dosa itu ialah apa yang tergaru-garu dalam hatimu... dan engkau tidak suka orang lain mengetahuinya".

Ayohai para kekasih

(لَن تَنَالُواْ الْبِرَّ حَتَّى تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيْءٍ فَإِنَّ

اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ).

"Kamu takkan sekali-kali dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan suatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya ALLAH mengetahuinya" Aali `Imran: 92

---

*Nota penterjemah:

Nafhat/nafahat = hembusan rohani.



Nafahat Yang Ku Dengar Dari Junjunganku Sidna Syeikh Abdun Nasir -2

-نفعنا الله به-

5 Oktober 2013

Beliau berkata : Telah bersabda Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

ثلاث جدهن جد وهزلهن جد : (1) النكاح (الزواج) (2) والطلاق (3) والرجعة

"Tiga perkara yang seriusnya adalah sungguh dan guraunya juga menjadi sungguh:

(1) Nikah kawin (2) Talak (3) Rujuk.

Diriwayatkan dari Sidi Al-Imam At-Thobari bahawa junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

ثلاث لا يجوز اللعب فيهن: (1)ا لطلاق (2) والنكاح (الزواج) (3) والعتق.

Tiga perkara ini tidak boleh dijadikan mainan: (1)Talak (2)Nikah kawin (3)Memerdekakan hamba abdi.

Beliau kemudian mengujar : Wahai para kekasih

Perkahwinan adalah perkahwinan dan lain dari itu adalah zina… zina… zina.

Allahumma peliharakanlah kami dari segala bentuk zina… yang sekarang telah tampil dengan berbagai nama baru yang mempersona, dipesongkan dari makna asal, disamarkan, dihias-hiaskan, dikotori najis, berlumuran jijik dan dipalsukan…

…yang semua itu bertujuan menghalalkan zina… supaya kekejian berleluasa… sesudah itu azab seksa akan diturunkan lalu kita semua binasa.

Lafaz dan kata sudah dimainkan orang:

Kata lain yang mereka sebut untuk zina : meniduri… hubungan seks… misyar… nikah mut`ah… nikah jihad… sumbang mahram… dan banyak lagi nama lain dan akan banyak lagi nama-nama yang akan muncul untuknya.

Kata lain yang mereka sebut untuk zina : "girl friend and boy friend relationship"…

sedangkan zina adalah zina… tidak kira dengan kalimat apa engkau namakan dia.

(الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ).

“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum ugama Allah, jika benar kamu beriman kepada ALLAH dan hari Akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman” An-Nur: 2

(الزَّانِي لا يَنكِحُ إِلاَّ زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لا يَنكِحُهَا إِلاَّ زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحُرِّمَ ذَلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ).

“Lelaki yang berzina (lazimnya) tidak ingin berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan musyrik; dan perempuan yang berzina itu pula (lazimnya) tidak ingin berkahwin dengannya melainkan oleh lelaki yang berzina atau lelaki musyrik. Dan perkahwinan

yang demikian itu terlarang kepada orang-orang yang beriman" An-Nur: 3

Allahumma Robbana tutuplah aurat kami dan amankanlah ketakutan kami.

Allahumma amin.



Ambillah Kemaafan -1

15 November 2012

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْـجَاهِلِينَ.

"Ambillah kemaafan (yang mudah engkau lakukan), dan suruhlah perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya)"- Al-A'raaf: 199

"Ambillah kemaafan (yang mudah engkau lakukan)" ertinya maafkanlah siapa yang menzalimimu… mana-mana hakmu yang dapat engkau bertolak ansur maka maafkanlah saja.

"dan suruhlah perkara yang baik" perkara-perkara yang dipandang baik sejak zaman nenek moyang iaitu segala adab kesopanan. Ia diistilahkan sebagai istihsan dan Saiyidina Al-Imam Malik رَضِيَ اللهُ عَنهُ diriwayatkan telah berkata bahawa: "Istihsan itu sembilan persepuluh dari agama".

"berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil" kerana jika dilayan mereka itu akan bingunglah hidupmu. Memang inilah di akhir zaman; orang santun akan kebingungan kerana dikelilingi mereka yang degil dengan kejahilan itu.



Tiga puluh tahun dahulu dan lebih awal dari itu di Madinah Al-Munawwarah kota Thoybah At-Thoybah banyak terjadi kisah-kisah benar kes-kes penyakit yang disembuhkan dengan tanah bumi Madinah Al-Munawwarah. Tanah itu masyhur disebut sebagai turbatus syifa' dan diketahui oleh para junjungan solihin kalangan warga Madinah Al-Munawwarah.

Sebahagian dari kes-kes rawatan ini telah disebut dalam kitab Wafa' Al-Wafa Biakhbar Daar Al-Musthofa صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ karya Sidi As-Syeikh Al-Imam Nuruddin Ali bin Ahmad As-Samhudi رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Proses penyembuhan itu antaranya dengan membaca pada tanah tersebut:

بِسمِ اللهِ .. تُربَةُ أَرضِنَا ... بِرِيقِ بَعضِنَا ... بِإِذنِ رَبِّنَا ... يَشفِي سَقِيمُنَا.

"Dengan nama Allah... tanah bumi kami... dengan liur kalangan kami... dengan izin Tuhan kami... sembuhlah yang sakit dari kami".

Begitu juga banyak terjadi operasi pembedahan dan rawatan total yang berlaku dalam mimpi di mana ketika si pesakit sedar dari tidurnya didapati terdapat kesan jahitan, pembedahan dan rawatan yang telah selesai dengan izin ALLAH itu.

Begitu juga kisah-kisah kumpulan unta putih yang datang setiap tengah malam membawa jenazah para muhibbin, para asyiqin, para ahli zikir yang banyak mengingati ALLAH dengan zikir yang banyak. Jenazah-jenazah itu didatangkan dari berbagai negeri untuk dikebumikan di Jannatul Baqi'.

Dan ada pula kumpulan unta hitam mengambil orang-orang mati yang telah dikebumikan di Jannatul Baqi' pada hari itu untuk dikebumikan di negeri-negeri lain dan tanah perkuburan bukan Islam. ALLAH Taala jua yang lebih tahu hikmah kejadian itu.

Para Jemaah sekalian ini bukan cerita khurafat, ianya cerita mutawatir, diketahui ramai dan masyhur di kalangan solihin dan solihat warga Madinah Al-Munawwarah. Ketika saya masih anak kecil berkali-kali saya mendengar berita-berita ini di majlis-majlis khas dan am yang dihadiri oleh alim-ulama Madinah Al-Munawwarah lagi tiada siapa pun mengingkarinya, bahkan semua orang percaya pada perkhabaran ini

kerana kami mendengarnya sendiri dari orang yang menyaksikan peristiwa-peristiwa itu dan dia adalah ahli ilmu, amal dan adab.

Apa dah jadi dengan kita sekarang dan entah apa lagi yang nak jadi pada kita??

Ke mana perginya rohaniah kita dan ke mana menghilangnya roh kita??

Siapa yang membawa pergi itu semua dari kita??

Macam mana kita boleh biarkan jiwa raga kita dirompak di tengah siang bolong dan di awal malam lalu tahu-tahu kita telah kerugian segala-galanya ketika hilangnya aqidah dan iktiqad kita terhadap para solihin dan para ahli zikir serta percayanya kita dan menjadi pengikut lagi pak turut kepada selain mereka iaitu golongan ahli engkar dan para penentang.

Fahamkah tuan-puan apa yang saya katakan ini…

Sama ada kami, kamu atau mereka; kesemuanya tidak berhak untuk membantah, atau menangguh perbicaraan, atau membuat rayuan kerana kita telah kerugian segala-galanya apabila kita percaya kepada golongan jahil lagi ahli kejahilan.



Ambillah Kemaafan -2

15 November 2012

Saiyidina wa Maulana Muhammad kekasih ALLAH pesuruh ALLAH صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Baginda adalah syariat kita, Baginda adalah Islam kita, Baginda adalah Ihsan kita, Baginda adalah ikutan kita, Baginda adalah pensyafaat kita, Baginda adalah penyelamat kita, Baginda adalah madad kita… walaupun segala hakikat ini tidak disukai oleh mereka yang degil, jahil dan dengki.

Junjungan anbiya' dan mursalin عَلَيهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ adalah para pilihan istimewa ALLAH Subhanahu wa Taala.

Junjungan solihin dan awliya' dari kalangan Ahlul Bait عَلَيهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ dan dari kalangan sahabat رِضوَانُ الله عَلَيهِم أَجمَعِينَ juga para masyaikh yang kamil, para ulama' yang 'amilin, dan kaum sufi yang muhaqiqin رِضوَانُ الله عَلَيهِم أَجمَعِينَ; mereka adalah para ansar (penolong) ALLAH Tabaroka wa Taala…

Inilah hakikatnya walaupun segala hakikat ini tidak disukai oleh mereka yang degil, jahil dan dengki.

Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ telah bersabda :

إِنَّ اللهَ تَعَالَى قَالَ : مَن عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَد آذَنتُهُ بِالحَربِ .. الحديث.

"Bahawa ALLAH Taala berfirman: "Barangsiapa memusuhi seorang waliKu maka sesungguhnya Aku telah isytihar perang ke atasnya..."

Sudah dikata orang baik -jika benar kata mereka-: Bahawa hukuman pertama menimpa orang yang memusuhi para solihin dan awliya lagi dia berterusan menyakiti dan memusuhi mereka adalah dia akan dibalakan dengan penyakit homoseksual yang keji, kotor dan terkutuk. Ini adalah fenomena yang jelas berlaku lagi diketahui ramai. Sidang pembaca dapat mengecam fenomena ini melalui pemerhatian terhadap ahli engkar dan mereka yang anti kepada junjungan solihin dan para awliya' di negeri masing-masing.

Firman ALLAH Subhanahu wa Taala:

إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ.

“Sesungguhnya kamu (kaum Luth) mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas” - Al-A’raaf: 81

Sudah fahamkah tuan-puan apa yang saya katakan ini??... ???.

وَمَا لَـنَا لَا نُؤْمِنُ بِاللهِ وَمَا جَاءَنَا مِنَ الْـحَقِّ وَنَطْمَعُ أَن يُدْخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ الْقَوْمِ الصَّالِحِينَ.

“Dan tiada sebab bagi kami untuk tidak beriman dengan ALLAH dan kepada kebenaran yang sampai kepada kami, padahal kami ingin (dengan sepenuh-penuh harapan) supaya Tuhan kami memasukkan kami (ke dalam syurga) bersama orang-orang yang soleh” - Al-Ma’idah: 84



Ambillah Kemaafan -3

15 November 2012

Ayohai ahli engkar dan kejahilan, aiblah bagimu -kalau kamu tahu aib- dan kamu terus melakukannya. Malulah pada ALLAH yang telah menciptakanMu dan menjadikan kamu berupa bentuk, Dia memberi rezeki padamu dan menjadikan kamu punya lidah untuk berkata yang benar, untuk bercakap yang bermanfaat dan yang menghidupkan… bukannya bicara dusta, kata mudarat dan yang mematikan.

Dan haramlah sikapmu pabila kamu telah belajar atau tahu betapa syariat Islam itu amat bertimbang rasa lagi suci lalu kamu berdusta, lalu kamu mengubah dan menukar hakikat itu. Dan betapa fasik, munafik lagi kufurnya halmu apabila kamu mendakwa dirimu golongan ulama sedangkan pekerjaanmu menyeru manusia kepada dirimu sendiri, kepada hawa nafsumu, kepada syaitanmu dan kepada pihak yang menyebarkanmu di tiap lokasi. Sedangkan hakikatnya

kamu bukan golongan ulama walaupun kamu dilantik, walaupun kamu punya fulus nan mulus, walaupun kamu punya kuasa dan dapat bertindak sesuka hatimu.

Kerana ulama-ulama hakiki merupakan para pewaris junjungan anbiya' عَلَيهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ, yang mana ini bererti mereka merupakan para penjejak sikap kehidupan anbiya' pada ketaatannya, amalan zikirnya, adabnya dengan ALLAH dan pada sikap mereka yang menyebarkan cinta, kesejahteraan, rahmat, keadilan, persaudaraan dan kesama rataan insani. Adapun yang berlaku padamu adalah kamu telah dilantik (kalau kamu tak tahu hakikat ini maka ini jadi musibah, jika kamu mengetahuinya maka musibah itu jadi lebih besar), kamu didudukkan di berbagai jawatan dan posisi yang semua itu semata-mata untuk menyebarkan khilaf pertikaian, untuk memecah belahkan umat, untuk menyebar kebejatan, kemungkaran, kefasikan, kekufuran dan membudayakan tuduhan kafir kepada orang lain… tolonglah kamu semua bertaubat pada ALLAH Taala !!!....

Memang benar bahawa Saiydina wa Maulana junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم telah bersabda:

لُحُومُ العُلَمَاءِ مَسمُومَةٌ.

***"Daging ulama itu beracun"*.**

[…ertinya kecelakaanlah bagi siapa yang mengumpat

dan mengata ulama]. Namun segala dalil dari wahyu, dari akal, dari pemahaman, dari logika pemikiran, dari adat resam dan dari adab kesopanan telah membuktikan dengan tuntasnya bahawa kamu bukan golongan ulama, sebaliknya'alal maa' (ulama' jadi-jadian). Sedangkan yang dimaksudkan sebagai ulama itu adalah para ulama' yang beramal dengan adab, malu, tahu segan silu, hormat, teguh, tegas, cinta, mahabbah, redho, tawadhu', zikir dan muzakarah.

Para ulama adalah ahli zikir

فَاسْأَلُواْ أَهْلَ الذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لاَ تَعْلَمُونَ

"...maka tanyalah ahli zikir jika kamu tidak mengetahui" An-Nahl: 43

...maknanya mereka merupakan para pengamal tetap berbagai wirid, zikir, hizb dan wazhifah siang dan malam. Para ulama adalah orang-orang soleh serta awliya' dari kalangan junjungan sufi dan lainnya yang merupakan ahli pada berbagai tingkatan maqam Iman dan Ihsan. Mereka telah meninggalkan dunia dan segala isinya lalu lari kepada ALLAH Taala. Apakah kamu mengerti?!.

Berhentilah menipu masyarakat dan cukuplah dustamu itu wahai yang mendakwa diri berilmu. Dengarlah baik-baik ayat ini yang mensifatkan dirimu seperti yang ditutur oleh Saiyidina Ibrahim

: عَلَيهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَا هَذِهِ التَّمَاثِيلُ الَّتِي أَنتُمْ لَهَا عَاكِفُونَ

"Ketika dia berkata kepada bapa (saudara) dan kaumnya: "Apakah hakikatnya patung-patung yang kamu bersungguh-sungguh memujanya ini?" Al-Anbiya': 52

ALLAH Taala juga telah berfirman mengenaimu wahai ulama suu' (ulama jahat) :

كُلَّمَا دَخَلَتْ أُمَّةٌ لَّعَنَتْ أُخْتَهَا حَتَّى إِذَا ادَّارَكُواْ فِيهَا جَمِيعًا قَالَتْ أُخْرَاهُمْ لأُولاهُمْ رَبَّنَا هَؤُلاء أَضَلُّونَا فَآتِهِمْ عَذَابًا ضِعْفًا مِّنَ النَّارِ.

"... tiap-tiap satu umat yang masuk ke dalam neraka mengutuk akan saudaranya (golongannya sendiri); hingga apabila mereka semua berhimpun di dalamnya, berkatalah golongan yang akhir mengenai golongan yang pertama di antara mereka: "Wahai Tuhan kami, mereka Inilah yang telah menyesatkan kami; oleh itu berilah kepada mereka azab seksa yang berlipat ganda dari (azab) neraka". ALLAH berfirman: "Kamu masing-masing disediakan (azab seksa) yang berlipat ganda tetapi kamu tidak Mengetahui" Al-A'raaf: 38

Maka demikianlah -jika memang benar mereka telah berkata begian-begian itu- nescaya layaklah mereka menerima kutukan ini….

1. Saya dengar di Youtube si polan yang berdakwah kepada dirinya ‘Ar‘our (failnya ada di Syiria dan di Jerman juga failnya kotor… semua teman-temannya tahu) telah mengkafirkan Saiyidina imam kami Al-Imam As-Syafie رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ, alasannya kerana Imam kita As-Syafie tidak mengkafirkan orang yang meninggalkan solat.

Hei pembuat fitnah dan peniup racun! Hei Leftenan ‘Ar‘our dan manusia-manusia sepertimu! Sifat kalian adalah seperti yang difirmankan ALLAH Taala dalam kitabNya:

وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرُكْهُ يَلْهَث ذَّلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُواْ بِآيَاتِنَا.

"… dan dia menurut hawa nafsunya; maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya: ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah, dan jika engkau membiarkannya: ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah. Demikianlah bandingan mereka yang mendustakan ayat-ayat Kami…" Al-A'raaf: 176

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَن يَعْمُرُواْ مَسَاجِدَ اللهِ شَاهِدِينَ عَلَى أَنفُسِهِمْ بِالْكُفْرِ أُوْلَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ وَفِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ.

"Tidaklah layak orang-orang musyrik itu memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah, sedang mereka menjadi saksi (mengakui) akan kekufuran diri mereka sendiri. Mereka adalah orang-orang yang rosak binasa amal-amalnya dan mereka pula kekal di dalam neraka"
At-Taubah: 17

2. Dalam sebuah surat khabar Al-Qardhawi sang pendakwah Jamaah Ikhwan dilaporkan telah berkata: "Jika Muhammad Rasulullah berada di tempat saya sekarang tentu dia akan bekerjasama dengan NATO".

Wahai si faqih Dr. Qardhawi, sifat kamu dan manusia sepertimu adalah seperti yang difirmankan ALLAH Taala:

لِّيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَن بَيِّنَةٍ وَيَحْيَى مَنْ حَيَّ عَن بَيِّنَةٍ وَإِنَّ اللهَ لَسَمِيعٌ عَلِيمٌ.

"..Iaitu supaya orang (kafir musyrik) yang binasa itu, binasa dengan keterangan (yang membuktikan kesalahannya), dan supaya orang (Islam) yang hidup itu, hidup dengan keterangan

(yang membuktikan kebenarannya); kerana sesungguhnya ALLAH Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui" Al-Anfaal: 42

اشْتَرَوْا بِآيَاتِ اللهِ ثَمَنًا قَلِيلاً فَصَدُّواْ عَن سَبِيلِهِ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ.

"Mereka menukarkan ayat-ayat ALLAH dengan harga yang sedikit (dari faedah-faedah dunia), lalu mereka menghalangi (dirinya dan orang-orang lain) dari ugama Allah; sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan" At-Taubah: 9

3. Seorang mantan pemimpin Jamaah Ikhwan menyebut dalam bukunya bahawa bai'ah (sumpah setia) ahli Ikhwan kepada mursyidul 'am sama seperti sumpah Freemason; dilakukan di bilik gelap, melulut di lantai dan memakai topeng. Dalam upacara bai'ah Ikhwanul Muslimin juga terdapat mashaf (pemikiran) dan pistol (kekuasaan) di atas meja.

Ya Doktor wahai mursyidul 'am jemaah Ikhwan, kamu dan manusia-manusia sepertimu sama seperti yang disifatkan ALLAH Tabaroka wa Taala dalam firmanNya:

يَحْلِفُونَ بِاللهِ مَا قَالُواْ وَلَقَدْ قَالُواْ كَلِمَةَ الْكُفْرِ وَكَفَرُواْ بَعْدَ

إِسْلاَمِهِمْ وَهَمُّواْ بِمَا لَمْ يَنَالُواْ وَمَا نَقَمُواْ إِلاَّ أَنْ أَغْنَاهُمُ اللهُ وَرَسُولُهُ مِن فَضْلِهِ فَإِن يَتُوبُواْ يَكُ خَيْرًا لَّهُمْ وَإِن يَتَوَلَّوْا يُعَذِّبْهُمُ اللهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ فِي الأَرْضِ مِن وَلِيٍّ وَلاَ نَصِيرٍ.

"Mereka bersumpah dengan nama ALLAH bahawa mereka tidak mengatakan (sesuatu yang buruk terhadapmu), padahal sesungguhnya mereka telah mengatakan perkataan kufur, dan mereka pula menjadi kafir sesudah melahirkan Islam, serta mereka berazam untuk melakukan apa yang mereka tidak akan dapat mencapainya (iaitu membunuhmu). Dan tidaklah mereka mencaci dan mencela (Islam) melainkan setelah ALLAH dan RasulNya memberi kesenangan kepada mereka dari limpah kurniaNya. Oleh itu jika mereka bertaubat, mereka akan beroleh kebaikan; dan jika mereka berpaling (engkar), ALLAH akan menyeksa mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di Akhirat; dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun di bumi ini yang akan menjadi pelindung dan juga yang menjadi penolong" At-Taubah: 74

فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِي قُلُوبِهِمْ إِلَى يَوْمِ يَلْقَوْنَهُ بِمَا أَخْلَفُواْ اللهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُواْ يَكْذِبُونَ.

“Akibatnya ALLAH menimbulkan perasaan munafik dalam hati mereka (berkekalan) hingga ke masa mereka menemui ALLAH, kerana mereka telah memungkiri apa yang mereka janjikan kepada ALLAH dan juga kerana mereka sentiasa berdusta” At-Taubah: 77

Wallahi sumpah, demi ALLAH amat haramnya perbuatanmu. Sudah-sudahlah menjadi badut dan berhentilah menyilap-mata masyarakat awam dan mengelirukan golongan khawas umat.

Sudahlah tu! Kami dah letih dengan kamu semua dan apa yang kami mahu sekarang ialah sejahtera dari kamu dan rehat dari gangguanmu

يَا أَيُّهَا النَّمْلُ ادْخُلُوا مَسَاكِنَكُمْ

“Hei para semut! Masuklah ke rumah-rumahmu!” An-Naml: 18



Ambillah Kemaafan -4

15 November 2012

Melayari alam laman sesawang dan internet akan memperlihatkan berbagai keanehan dan keajaiban. Antaranya:

Di laman-laman kaum mungkirin (ahli engkar) dan golongan anti zikir, anti ahli zikir kalangan Tasawuf Islami yang Sunni anda dapat membaca berbagai bentuk pendustaan dan cerita-cerita palsu yang kosong sama sekali dari kebenaran.

Antara tajuk paparan mereka "**Mufti Mesir Syeikh Ali Jum'ah Adalah Seorang Sufi**"… paparan itu seolah-olah satu penemuan besar kemudian diikuti dengan isi tulisan yang mencaci maki… macamlah kalau jadi seorang sufi bererti satu aib dan salah yang amat besarnya.

Mereka tidak mengetahui bahawa menjadi seorang sufi ertinya mencapai suatu kemuliaan yang tak tertanding kerana Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم telah menutur sabda :

لِكُلِّ أُمَّةٍ لَـهَا صَفوَةٌ وَصَفوَةُ هَذِهِ الأُمَّةُ هُمُ الصُّوفِيَّةُ.

"Setiap umat ada golongan pilihannya dan golongan pilihan dalam umat ini adalah kaum sufi".

Untuk maklumat dan catatan sejarah saya sebut di sini bahawa Tuan Mufti As-Syeikh Al-Allamah Prof. Dr. Ali Jum'ah merupakan seorang tokoh sufi besar dalam jalur Tareqat Al-Khalwatiyyah dan beliau mempunyai ramai murid di seluruh dunia.

Ada yang menyebut -kalau benar kata mereka- bahawa beliau merupakan salah seorang dari wali quthb, frasa ini bererti satu jabatan yang tinggi dalam ummat Muhammadiyyah di zaman sekarang.

Pihak kolonial telah berkata dan terus mengatakan: "Bahawa tidak ada sebarang persamaan antara ahli engkar dan ahli sufi, kerana itu kami menciptakan perpecahan demi menguasai dunia serta menghancurkan Islam dan kaum Muslimin".

[Bagi memahamkan klausa ini] biar saya beri contoh; ahli engkar bercakap tentang satu negeri yang dia kenal, dia menetap di situ dan negeri itu letaknya di timur sedangkan ahli sufi yang soheh dan jelas bercakap tentang satu negeri lain di barat.

Satu lagi contoh; ahli engkar bercakap tentang minuman yang memabukkan dan arak sedangkan ahli sufi minum air dingin, kopi dan teh… antara dua

jenis minuman ini tidak ada satu titik persamaan pun melainkan semuanya jenis minuman.

Satu lagi contoh; ahli engkar dan anti sufi bercakap tentang rumah tempat tinggalnya, tentang kampungnya, tentang khemahnya dan tentang negerinya semata-mata sedangkan ahli sufi adalah peribadi yang hidup dan dapat menyesuaikan diri dengan berbagai bentuk budaya, berbagai bangsa, berbilang agama dan multitamadun.

Satu lagi contoh dari dimensi yang lain; ahli engkar dan anti sufi memiliki sebidang tanah kebun; di situlah kehidupannya, di situlah villanya, di situlah rumahnya dan di situlah istananya. Sedangkan ahli sufi yang soheh pula hidup di tengah hutan belantara yang dipenuhi dengan begitu banyak manfaat dan mudarat. Maka sudah menjadi kewajiban pertama seorang sufi untuk redha dengan realiti hidupnya, kemudian bagaimana dia dapat menyesuaikan diri dengan tempat yang tidak dimilikinya, seterusnya bagaimana dia dapat menjadikan yang mudarat sebagai tambahan manfaat kepada manfaat dari setiap benda.

Kesimpulannya ialah yang manfaat dan mudharat (An-Naafi' dan Ad-Dhaar) kedua-duanya dari nama ALLAH Subhanahu wa Taala jua.

Sudah mengertikah apa maksudnya…???

Percayalah, semua pihak akan senang hati jika kita semua sama-sama redha, sama-sama memahami serta sama-sama hidup dengan sejahtera, dengan saling mahabbah dan saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Para jemaah sekalian, [ketahuilah hakikat bahawa] lebih 90% dari ulama ummah sejak 15 kurun yang lalu adalah dari golongan sufi Islam yang Sunni dan merekalah Ahlus Sunnah wal Jamaah, merekalah ahli mazhab feqah empat yang termasyhur dan juga ahli mazhab-mazhab feqah yang tidak masyhur (seperti mazhab Sidi Abu Tsaur, Sidi Al-Laits bin Saad dan yang lain -moga ALLAH meredhoi mereka semua-). Faktor kepupusan mazhab yang tidak masyhur adalah kerana para siswa mereka telah mengabaikan mazhab itu atau kerana sebab yang lain. Apapun semuanya telah berlaku dengan hikmah Tuhan jua.

Adapun sikap yang dituntut ialah semata-mata kita tidak saling kafir mengkafirkan satu sama lain. Dan hendaklah kita saling menerima satu sama lain tidak kira bagaimana jurang perbezaan. Sanggup menerima pihak lain ibarat sebuah perkahwinan; ertinya wajiblah penerimaan itu dengan serius dan komitmen antara kedua belah pihak. Kita juga mesti waras, mesti jaga dan mesti sedar dari terseret kepada penagihan sikap ingkar dan suka menentang.



Ambillah Kemaafan -5

16 November 2012

Aku telah mendengar dari Prof. Dr. Manee' (mahaguru ahli tafsir di waktunya) yang mengkhabar dari ayahandanya Saiyidina Syeikhul Azhar Al-Imamul Akbar Abdul Halim Mahmud (yang berketurunan Saiyidina Husein, bertareqat Syazili, berperibadi sufi Islami yang sunni dan bermazhab Syafie) bahawa beliau telah berkata:

"Sesungguhnya Syeikhul Azhar merupakan Al-Imamul Akbar, beliau merupakan Syeikhul Islam dan mahaguru kepada seluruh kaum Muslimin dan beliau adalah khalifah (pengganti) Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

وَإِذَا جَاءَكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِنَا فَقُلْ سَلامٌ عَلَيْكُمْ كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةَ أَنَّـهُ مَن عَمِلَ مِنكُمْ سُوءًا بِجَهَالَةٍ ثُمَّ تَابَ مِن بَعْدِهِ وَأَصْلَحَ فَأَنَّـهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ.

“Dan apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami itu datang kepadamu (dengan tujuan hendak bertaubat dari dosa-dosa mereka), maka katakanlah: “Mudah-mudahan kamu beroleh selamat! Tuhan kamu telah menetapkan bagi dirinya untuk memberi rahmat (yang melimpah-limpah): bahawasanya sesiapa di antara kamu yang melakukan kejahatan dengan sebab kejahilannya, kemudian dia bertaubat sesudah itu, dan berusaha memperbaiki (amalannya), maka sesungguhnya ALLAH Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani” Al-An’am: 54

Saiyidina Abdul Halim Mahmoud رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ juga menegaskan bahawa: “Syeikhul Azhar adalah pedang ALLAH yang tajam dan putus tebasannya ke atas musuh, Syeikhul Azhar adalah satu dari syiar Allah

وَمَن يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى الْقُلُوبِ.

“...dan barangsiapa yang mentakzim syiar-syiar ALLAH maka (perbuatan takzimnya itu) dari ketaqwaan hati” Al-Hajj: 32

Kata beliau lagi: “Wajiblah bagi seorang Syeikhul Azhar itu berpegang kepada masyrab dan zauq Tasawuf Islami yang sunni lagi soheh dan jelas, dan wajiblah Syeikhul Azhar itu menjadi bapa kepada semua. Dan lagi barangsiapa mengata Syeikhul Azhar, atau mencaci

makinya, atau mengkafirkannya nescaya ditakuti orang itu mati su'ul khatimah".

Pada satu hari dalam tawarikh Islam yang gemilang seorang wanita menyeru nama khalifah minta tolong padanya… waktu itu kekhalifahan Islam masih ada… Wanita itu berteriak minta tolong: "Wahai Mu'tashim!!!". Berita teriakan ini sampai kepada Khalifah Al-Mu'tashim Billah lalu beliau bingkas menolong umat Islam umat Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم kerana teriakan seorang wanita dhaif. Sungguh kedhaifan itu telah ditukar ALLAH Taala menjadi satu kuasa agung yang menewaskan kekuatan bala tentera kegelapan; para penzalim, kafirin, munafikin dan musyrikin.

Masa berlalu dan mereka telah membunuh kekhalifahan Islam dengan berbagai jalan tipu helah, makar, dusta, kemunafikan, konspirasi, pengkhianatan dan hasil jual beli dengan peribadi-peribadi dhaif, naif, lemah dan tolol.

Sekarang mereka mahu membuat pelupusan total terhadap Al-Azhar As-Syarif yang kudus lagi bersinar setelah mana sebelum ini mereka merosakkannya, memecahkannya dan melemahkannya (melalui penubuhan Rabithah Ulama Al-Muslimin yang dilantik presiden dan anggotanya tanpa proses referendum, tanpa pilihanraya dan hatta tanpa minta izin dari Syeikhul Azhar. Penubuhan rabithah ini begitu cepat

berlaku bagai hidangan makanan segera. Tiada siapa memahami atau faham apa-apa dari keanehan ini dan tiada siapa yang mahu memahaminya melainkan kaum solihin dan awliya yang menilik segala yang tersembunyi serta komplot itu dan ini).

Al-Azhar As-Syarif telah dilemahkan hingga ke tahap pelajar yang memperolehi keputusan paling minimal peperiksaan SPM yang tidak diterima masuk belajar di mana-mana institut pengajian tinggi akan dilonggokkan di Al-Azhar As-Syarif institusi yang agung, teguh berdiri, sabar dan tahan uji menghadapi berbagai pancaroba buatan manusia dan musibah zaman.

Hasilnya selepas siswa-siswa malas dan ber IQ rendah itu bergraduan maka hadiah pertama yang mereka persembahkan kepada Al-Azhar ialah mengkafirkan Syeikhul Azhar yang sepatutnya disanjung, dihormat dan dimuliakan.

Kami dari platform ini dan dari sana sini menyeru: "Duhai Ahmad At-Thoyyib!!!" (ya Fadhilatul Imam Al-Akbar Syeikhul Islam Prof. Dr. Ahmad A-Thoyyib As-Syafie As-Sunni As-Sufi Al-Hasani رَضِيَ اللهُ عَنكَ وَأَرضَاكَ) kami menyeru Tuan tolonglah agama Allah, agama kekasihmu dan kekasih kami Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Kami mohon agar Tuan tidak lemah dan jangan sekali-kali meletak jawatan. Semua kaum solihin

seluruh dunia mendoakan Tuan siang dan malam meminta pada ALLAH agar membaikkanmu Tuan, membaharukan denganmu dan menyinarkan denganmu. Kerana alternatif yang mahu diketengahkan sudah siap dan semua orang tahu siapa dia dan dialah yang bakal menghapuskan sebuah institusi bernama Al-Azhar.

Allahumma Robbana kami mohon padamu demi jaah NabiMu yang termulia صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم kami bertawassul padaMu agar Engkau menjaga, menolong dengan segera dan mengurnia kelembutanMu kepada seluruh kaum Muslimin dan institusi Al-Azhar… Allahumma Robbana amin amin amin.



Ambillah Kemaafan -6

17 November 2012

أَشهَدُ أَن لَا الِهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ سَيِّدَنَا وَمولَانَا مُحَمَّدًا صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ رَسُولُ اللهِ. ثَبِّتنَا يَا رَبِّ بِقَولِـهَا، وَانفَعنَا يَا رَبِّ بِفَضلِهَا، وَاجعَلنَا يَا رَبِّ مِن خِيَارِ أَهلِهَا.

Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain ALLAH dan aku bersaksi bahawa Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيه وَسَلَّمَ pesuruh ALLAH. Tetapkan hati kami ya Robbi dengan mengatakannya, manfaatkan kami ya Robbi dengan fadhilatnya dan jadikanlah kami ya Robbi kalangan sebaik-baik ahlinya".

Para jamaah sekalian ketahuilah jika Tauhid itu takkan diterima melainkan dengan Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ lalu bagaimanakah akan jadi musyrik orang yang bertawassul dengan Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ untuk memohon kepada

ALLAH Tuhan kita Tabaroka wa Taala….

Wahai kumpulan ahli engkar dan yang membangkang, saya mohon tuan-tuan sekalian berhentilah dari menyebarkan dusta dan pembohongan kerana ia takkan memberi faedah padamu bahkan memudaratkanmu.

Diantara peristiwa yang berlaku kepada Syeikhul Islam lagi Syeikhul Azhar adalah kisah yang dihikayatkan kepadaku oleh Sidi Dr. Manee'. Beliau berkata: "Ayahandaku Saiyidina Al-Imamul Akbar As-Syeikh Abdul Halim berkata: "Satu ketika aku berada di tanah suci antara kota Makkah Al-Mukarromah dan Madinah Al-Munawwarah kerana mengerjakan haji. Lalu datanglah surat dari mufti kerajaan Arab Saudi As-Syeikh Abdul Aziz Ibnu Baaz, katanya dalam surat itu: "Kamu selaku Imamul Muslimin dan Syeikhul Islam wajiblah untuk tidak melakukan perbuatan tabarruk (mengambil berkat) kepada wali-wali dan wajiblah bagimu untuk melarang amalan ziarah kubur wali-wali dan…" dan panjang berjela-jelalah cakap Syeikh Ibnu Baaz mengenai perkara ini disertai perkataan yang besar-besar pula.

Syeikh Abdul Halim Mahmoud pun berkata: "Sekarang kita takkan menjawab surat ini kerana kita sedang bersama Tuhan kita. ALLAH Tuhan kita memerintahkan kita melalui firmanNya dalam Al-Quranul Karim kitab yang diagung dan dimuliakan :

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلاَ رَفَثَ وَلاَ فُسُوقَ وَلاَ جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفْعَلُواْ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ اللهُ وَتَزَوَّدُواْ فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى وَاتَّقُونِ يَا أُوْلِي الأَلْبَابِ.

"Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, tidak boleh membuat maksiat dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah taqwa (memelihara diri); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat berfikir dan memahaminya)Al-Baqarah: 197

"…Nantilah apabila sudah pulang surat ini Insya ALLAH kita jawab".

Sidi Manee' menyambung cerita: "Hari demi hari pun berlalu dan Syeikh Abdul Halim tidak membuka topik ini. Satu hari kami memulakan perjalanan menziarahi Saiyidina Ahmad Al-Badawi رَضِيَ اللهُ عَنهُ lalu Syeikh Abdul Halim berkata: "Sekarang kita tulis jawapan:

"Warkah ini dari Syeikhul Islam dan pemuka seluruh kaum Muslimin datang kepada Sohibul Fadhilah

tuan Mufti Arab Saudi dan ketua ulamanya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Amma ba'd…

"Maafkan saja kerana kemarin saya sedang mengerjakan haji lalu tidak dapat menjawab.

"Adapun sekarang kami sedang memulakan perjalanan dari Universiti Al-Azhar As-Syarif selepas menziarahi makam nenda kami Saiyidina Al-Husein عَلَيهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَم di kota Qaherah, lalu mahu berziarah pula ke makam Saiyidina Al-Quthb Ahmad Al-Badawi رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ di kota Thanta bagi memohon madad dari beliau serta hubungan dan terkabul doa.

"Dan sukalah saya bahawa jawapan saya kepada pihak tuan yang mulia dengan hal, dengan perkataan dan dengan ziarah ini supaya tuan tahu bahawa Islam itu agama rahmat, agama yang menerima kepelbagaian, agama yang luas dan supaya tuan tahu bahawa awliya merupakan para ansar ALLAH Taala lagi mereka itu mendapat apa yang mereka ingini di sisi Tuhan mereka…".

Memang beginilah Syeikhul Azhar, semua orang tahu sikapnya yang kerana ALLAH tidak takut cercaan pencerca. Kerana beliau menjaga dan tetap memelihara amanah serta

kekhalifahan ummah. Moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya.



Ambillah Kemaafan -7

18 November 2012

Sedia maklum teorinya bahawa semua bentuk syaitan sejak mula bapak mereka si Iblis almalaun yang terhalau dari rahmat ALLAH Rabbul 'Alamin, semua mereka adalah syaithonir rojim.

وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ فَاسْتَعِذْ بِاللهِ إِنَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ.

"Dan jika engkau dihasut oleh suatu hasutan dari Syaitan, maka mintalah perlindungan kepada Allah, Sesungguhnya ALLAH Maha Mendengar lagi Maha mengetahui" Al-A'raaf: 200

وَقُل لِّعِبَادِي يَقُولُواْ الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنزَغُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلإِنسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا.

"Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada

hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada mereka yang menentang kebenaran); Sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia" Al-Isra': 53

Adapun secara amalinya para solihin menggelar syaitan terkutuk ini sebagai Bapak Engkar. Inilah dia makhluk pengasas kepada bidang ilmu engkar antarabangsa dan dunia Islam. Ilmu engkar merupakan ilmu yang amat simple, seorang pengamalnya hanya perlu mengingkari awliya' dan solihin, hanya perlu mencaci maki mereka serta mengkafirkan ulama yang 'amilin.

Siswa bidang ini tidak perlu bersengkang mata siang malam bagi mempelajari ilmu pengetahuan, tak perlu zikir kepada ALLAH banyak-banyak kerana amalan zikir hanya untuk orang lemah sedangkan kamu orang kuat, tak perlu zikir-zikir ni. Sementelahan pula yang dituntut adalah ilmu engkar maka kamu tak perlu kepada apa-apa ilmu, tak perlu kepada sebarang amalan, kamu hanya perlu mengingkari segala yang baik dan perkara yang indah. Itu saja.

Kamu akan memperolehi sertifikat ilmu ini = ILMU ENGKAR = dengan kepujian pangkat satu, pihak berkenaan memberi sokongan tesis kajianmu

untuk dicetak di negaramu dan semua negara lain dan ganjaran berkarung-karung duit yang terdiri dari berbagai jenis matawang asing menantimu, kamu juga akan mendapat berbagai kemudahan ke mana pergi (di dalam wilayah kekuasaan as-syaithonir rojim), kamu akan dialu-alukan di berbagai majalah, surat khabar, radio, tv satelit dan dunia internet

إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاء لِلَّذِينَ لاَ يُؤْمِنُونَ.

"Sesungguhnya Kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu teman rapat bagi mereka yang tidak beriman" Al-A'raaf: 27

Yang penting kamu meneruskan sikap engkarmu selama hidup dan mati. Nanti bila dah mati kubur tak mahu terima kamu seperti mana halnya ramai kawan-kawanmu ahli engkar. Kerana bumi bukan dari wilayah kerajaan as-syaithonir rojim, bahkan bumi ini adalah sebahagian dari milik ALLAH Tuhan yang Maha Tahu, Maha Alim, Maha Khobir lagi maha meliputi ilmu dan kekuasaan Robbul 'Alamin.

وَقُل رَّبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ. وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَن يَحْضُرُونِ.

"Dan katakanlah: "Wahai Tuhanku, aku berlindung kepadaMu dari hasutan segala syaitan.

Dan aku berlindung kepadaMu, wahai Tuhanku, supaya segala syaitan itu tidak menghampiriku" Al-Mukminun: 97-98



Ambillah Kemaafan -8

18 November 2012

Terkenang-kenang saya kepada Sidi Prof. Dr. Manee' dekan Fakuliti Usluddin Al-Azhar ibnu Saiyidina As-Syeikh Abdul Halim Mahmoud Syeikhul Azhar رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ.

Untuk catatan, sepanjang sejarah gemilang Universiti Al-Azhar belum pernah berlaku ayah dan anak memegang jawatan dekan Fakuliti Usuluddin (fakuliti terkanan di Al-Azhar) melainkan kepada keluarga mulia dari titihan Saiyidina Husein ini.

Dalam satu kesempatan saya telah menziarahi beliau di pejabatnya yang serba tawadhu' namun besar dan luas. Di sinilah beliau menerima kunjungan siapa saja dengan penuh kemesraan, budi dan senyuman. Di pejabatnya yang bersih itu tidak pernah ada kerja terbengkalai atau tertangguh. Beliau sentiasa menyelesaikan apa saja urusan kerja hariannya pada hari itu juga dan tidak pernah menangguh kerja hari

ini kepada esok.

Beliau melayan semua orang dengan mesra, tidak ada yang tak dipedulikannya. Dalam masa melayan tamunya itu juga beliau turut menyelesaikan berbagai dokumen, urusan pentadbiran, menjawab surat dan tidak membawa pulang kerja ke rumahnya kerana semuanya walhamdulillah telah selesai di pejabat.

Untuk catatan sejarah wajib saya ceritakan peristiwa ini :

Hari itu seorang wartawan akhbar telah datang ke pejabatnya kemudian beberapa orang kakitangan radio dan tv turut datang. Semua mereka datang tanpa temujanji tapi tetap disambut baik oleh beliau.

Namun Sidi Prof. Dr. Manee' enggan menerima apa-apa temuramah baik surat khabar, atau radio, atau tv melainkan jika topiknya ialah tentang ayahandanya yang juga syeikhnya dan murobbinya Saiyidina Al-Imamul Akbar Syeikhul Islam dan mahaguru kaum Muslimin Syeikh Abdul Halim Mahmoud.

Saya tanya Sidi Professor kenapa begitu? Jawab beliau: "Aku telah mendengar junjungan ayahandaku berkata padaku: "Wahai anakku Manee', aku berwasiat kepadamu untuk lari dan menjauhkan diri dari dunia media. Kerana segala macam fitnah datang dari mereka, kerana mereka mencipta khabar berita dan peristiwa, dakwaan bahawa mereka melakukan liputan berita dan khabar adalah pembohongan semata-mata.

Warga media dalam semua konteks dan cabangnya -melainkan yang dirahmati ALLAH-

فَرِيقًا هَدَى وَفَرِيقًا حَقَّ عَلَيْهِمُ الضَّلالَةُ إِنَّهُمُ اتَّخَذُوا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاء مِن دُونِ اللهِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ.

"Sebahagian dari mereka diberi hidayah petunjuk oleh ALLAH (dengan diberi taufiq untuk beriman dan beramal soleh); dan sebahagian lagi (yang ingkar) berhaklah mereka ditimpa kesesatan (dengan pilihan mereka sendiri), kerana sesungguhnya mereka telah menjadikan para syaitan itu pemimpin-pemimpin (yang ditaati) selain ALLAH. Serta mereka pula menyangka bahawa mereka berada dalam petunjuk hidayah" Al-A'raaf: 30

...Firman ALLAH Tabaroka wa Taala dalam ayat-ayat ini sesuai benar sifatnya pada diri mereka:

هَلْ أُنَبِّئُكُمْ عَلَى مَن تَنَزَّلُ الشَّيَاطِينُ. تَنَزَّلُ عَلَى كُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ. يُلْقُونَ السَّمْعَ وَأَكْثَرُهُمْ كَاذِبُونَ. وَالشُّعَرَاء يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ. أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ. وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ.

"Mahukah Aku khabarkan kepadamu kepada

siapa syaitan-syaitan itu selalu turun? Mereka selalu turun kepada tiap-tiap pendusta yang berdosa, yang mendengar sungguh-sungguh (kepada apa yang disampaikan oleh syaitan-syaitan itu), sedang kebanyakan beritanya adalah dusta. Dan para penyair itu diturut oleh golongan yang sesat - tidak berketentuan hala. Tidakkah engkau lihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala di tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)?. Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya?" As-Syu'ara: 221-227

Sudah mengertikah tuan-puan akan maksudnya…???



Ambillah Kemaafan -9

23 November 2012

Ajaib benar golongan engkar serta yang membantah ahli zikir, ahli kasih, ahli muzakarah dan ahli mahabbah.

Golongan itu kerja mereka semata-mata mengengkar dan menyibukkan masyarakat dengan isu-isu yang tidak mereka ketahui satu apa pun mengenainya, tidak mereka rasa keberadaannya, tidak mereka rasai ia dan memang mereka tidak mahu memahaminya; iaitu adanya berbagai tingkatan maqam dan kedudukan pada Islam, pada Iman dan pada Ihsan.

Setiap kelompok maqam yang berbeza-beza ini ada kumpulannya, ada hukum hakam yang khas untuk ahlinya, ada kanun yang mereka jalankan, ada sifat-sifat tertentu yang wajib mereka mengosong diri darinya, ada adab dan aadab tertentu yang wajib mereka memakainya, ada ibadat-ibadat tertentu yang wajib wajib mereka tunaikan, ada berbagai ragam ilmu berdasarkan tiap maqam dan semua itu ada dalam Al-

Quranul Karim dan Sunnah Nabawiyyah lagi diketahui oleh mereka yang dikurnia taufik ALLAH Taala:

وَمَا يَذَّكَّرُ إِلاَّ أُوْلُواْ الأَلْبَابِ.

"...dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan mereka yang menggunakan akal fikirannya" Al-Baqarah: 269

Pendek kata golongan mungkirin (ahli engkar) itu tidak mahu rahmat dan maghfirah ALLAH dan mereka juga tidak mahu umat dan agama kita mendapat rahmat dan maghfirah.

Demi ALLAH haramlah perbuatanmu! Berhentilah dan mengakulah segala pendustaan, penipuan dan pengkhianatanmu!

Wahai sekelian orang waras yang masih ada pada umat ini! Mana tah masalahnya pada khatam Al-Quran dan doa selepas khatam Al-Quran (doa adalah inti ibadah) lagi telah nyata disebutkan:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

"Dan Tuhanmu telah berfirman: "Berdoalah kamu kepadaku nescaya aku mustajabkan doamu" Ghafir: 60

…mana tah masalahnya jika itu semua dilakukan di dalam majlis, di zawiyah dan di masjid?!

Biar saya nyatakan kepada semua bahawa ALLAH Tabaroka wa Taala berfirman:

وَقَالَ الرَّسُولُ يَا رَبِّ إِنَّ قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا.

"Dan berkatalah Rasul: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini satu barang yang dibiarkan begitu saja" Al-Furqan: 30

ALLAH Tabaroka wa Taala berfirman lagi:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاء وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ.

"Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi mereka yang beriman" Al-Isra': 82

...antara maksud dari ayat ini ialah kewajiban berterusan membaca Al-Quran hingga khatam, dari satu khatam kepada khatam seterusnya baik secara individu mahupun berjemaah dan menjadi amalan sepanjang umur. Khatam Al-Quran itu bukan seperti yang disangka sesetengah orang hanya di bulan Ramadhan Al-Mubarak.

ALLAH Tabaroka wa Taala berfirman lagi:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن مَّنَعَ مَسَاجِدَ اللهِ أَن يُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَى فِي خَرَابِهَا...

Dan siapakah yang terlebih zalim dari orang-orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid-masjid ALLAH untuk zikir menyebut nama ALLAH di dalamnya, dan dia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu?..." Al-Baqarah: 114

…antara maksud dari ayat ini ialah wajib dibenarkan ahli zikir baik secara individu mahupun berjemaah untuk melakukan zikir di masjid-masjid.

Namun amatlah malang sekali apabila ahli engkar dan kaum mungkirin di dunia antarabangsa telah menguasai masjid-masjid yang ada -melainkan yang dirahmati ALLAH dan diselamatkan ALLAH dari virus engkar-, lalu menghalang ahli zikir dari berzikir mengingati ALLAH sedangkan itu memang perintah ALLAH seperti dalam firmanNya Tabaroka wa Taala:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ...

"Hendaklah kamu zikir mengingati Aku nescaya aku zikir mengingatimu…" Al-Baqarah: 152

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللهَ ذِكْرًا كَثِيرًا...

"Wahai mereka yang beriman! Hendaklah kamu berzikir mengingati ALLAH dengan zikir yang banyak" Al-Ahzaab: 41

ALLAH Tabaroka wa Taala berfirman lagi:

وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللهِ كَثِيرًا وَلَيَنصُرَنَّ اللهُ مَن يَنصُرُهُ إِنَّ اللهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ

"... dan juga masjid-masjid yang sentiasa disebut-sebut (zikir) nama ALLAH banyak-banyak padanya, dan sesungguhnya ALLAH akan menolong sesiapa yang menolong ugamaNya, sesungguhnya ALLAH Maha Kuat, lagi Maha Kuasa" Al-Hajj: 40

...antara maksud ayat ini ialah kewajiban membina tempat-tempat untuk ahli zikir dan pengamal zikir (dalam bentuk plural dan banyak) seperti zawiyah, takiyyah, ribath, sahah dan khalwah. Kerana syarat masuk ke tempat-tempat ini hanyalah bagi orang yang muslim, mukmin dan muhsin.

Atas faktor ini wajiblah dilakukan dengan serius pembinaan zawiyah-zawiyah seperti keberadaannya di zaman dahulu supaya kita dapat bersama ALLAH dengan berzikir mengingatiNya lalu kita berjuang dan diberi kemenangan dengan ALLAH yang Maha Jabbar,

Maha Qahhar dan Maha Benar bagi mereka yang menolong [agama] ALLAH Subhanahu wa Taala.

Saya nyatakan lagi kepada semua bahawa Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ telah bersabda:

وَمَن خَتَمَ القُرآنَ فَلَهُ دَعوَةٌ مُستَجَابَةٌ.

"Dan barangsiapa mengkhatamkan Al-Quran maka baginya doa mustajab".

Hadis ini diriwayatkan oleh Sidi Al-Imam At-Thabrani رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ dalam kitabnya Al-Mu'jam Al-Kabir.

Saya nyatakan lagi bahawa daripada junjungan para sahabat telah diriwayatkan:

(1) Kata Saiyidina Abdullah bin Mas'ud رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ :

مَنْ خَتَمَ الْقُرْآنَ فَلَهُ دَعْوَةٌ مُسْتَجَابَةٌ.

"Barangsiapa mengkhatamkan Al-Quran maka baginya doa mustajab",

maka adalah Saiyidina Abdullah itu apabila mengkhatam Al-Quran beliau akan menghimpun ahli keluarganya lalu berdoa dan doanya diaminkan oleh mereka.

(2) Saiyidina Anas bin Malik رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ apablia pada malamnya sudah hampir khatam Al-

Quran maka beliau akan menangguhkan sedikit dari bacaannya itu ke pagi hari esoknya lalu berkumpul ahli keluarganya maka khatamlah beliau bersama-sama mereka. Adalah Saiyidina Anas رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ apabila mengkhatam Al-Quran akan menghimpun anak-anak dan ahli rumahnya lalu berdoa bersama mereka. Ini diriwayatkan oleh Saiyidina Al-Imam Ad-Darami رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ.

(3) Diriwayatkan dari Saiyidina Abu Imamah رَضِيَ اللهُ عَنهُ bahawa Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ bersabda :

إِذَا خَتَمَ أَحَدُكُمُ القُرآنَ فَليَقُل : اللَّهُمَّ آنِس وَحشَتِي فِي قَبرِي.

"Apabila ada kalanganmu yang mengkhatam Al-Quran maka hendaklah dia berkata: "Allahumma temankanlah kesepianku di dalam kubur nanti".

Hadis ini diriwayatkan oleh Saiyidina Al-Imam Al-Hakim رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ.

Mereka adalah para sahabat junjungan kita, diikuti oleh para tabi'in seterusnya hinggalah kepada generasi solihin di zaman kita ini mengamalkan khatam Al-Quran, menghimpun orang ramai untuk berkhatam Al-Quran dan mengajak orang ramai ke majlis-majlis khatam Al-Quran.

Semua pemuka agama dan para solihin dalam umat kita mengikuti amalan mereka kerana kita adalah umat yang mengikut perjalanan para pendahulu dan bukan umat yang mereka-reka pekerjaan seperti yang mahu dicapkan oleh golongan engkar ke atas kita, apa pun sia-sia saja perancangan dan kerja mereka itu kerana ALLAH Maha Mengawasi mereka. Alhamdulillah syukur pada ALLAH.

Dalil-dalil tadi sudah cukup bagi orang yang ada rasa malu kepada ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ.

Saya nyatakan lagi bahawa Saiyidina Al-Imam Al-Bukhari itu apabila datang malam pertama bulan Ramadhan maka akan berkumpullah kepadanya para temannya lalu beliau akan mengimami mereka. Setiap rakaat beliau akan membaca 20 ayat dan terus begitu hingga khatam Al-Quran.

Beliau juga pada waktu pertiga malam terakhir beliau akan membaca setengah hingga satu pertiga Al-Quran, maka tiap tiga malam sekali beliau akan khatam di waktu pertiga malam terakhir.

Pada masa siang pula beliau khatam setiap hari sekali dan waktu khatamnya ketika berbuka puasa tiap senja. Saiyidina Al-Imam Al-Bukhari juga berkata: "Setiap kali khatam Al-Quran ada doa mustajab".

Kamu pula wahai ahli engkar tak habis-habis nak membantah dengan perkataanmu: "Al-Allamah Al-Muhaddis Al-Albani (rahmat ALLAH ke atasnya

kerana dia suka orang memanggilnya begitu) telah mendhaifkan hadis ini dan mendhaifkan kaul itu. Dia dan yang lain-lain juga telah berkata bahawa khatam Al-Quran secara berjemaah itu bid'ah".

Maka bid'ahlah khatam Al-Quran dan doa di sisimu dan ke atasmu wahai kaum mungkirin.

Adapun kami pula beroleh kemuliaan dengan menjadi ahli Al-Quran, dengan membacanya, menghafaznya, memuzakarahkannya, memperingatkan dengannya, mengamalkannya, mengaji tafsirnya, mengkajinya serta mengkhatamkannya secara individu dan berjemaah dengan berterusan. Amalan ini di sisi kami adalah antara sunnah yang seagung-agungnya, satu amalan nafilah dan dampingan kepada ALLAH Tabaroka wa Taala.

[Parahnya hal ini] hingga ramai ulama 'amilin dan solihin yang bukan kalangan ahli engkar dan mungkirin berkata: "Antara alamat rosaknya umat dan akhir zaman ialah hadis yang diriwayatkan oleh para imam hadis yang besar-besar pada tiga kurun terawal yang disaksikan kebaikannya disohehkan di akhir zaman oleh seorang yang bernama Al-Albani".

Cukuplah baginya malu besar dengan sikapnya yang berbangga-bangga menyebut dalam majlis-majlisnya bahawa dia langsung tidak pernah ziarah kepada Saiyidina wa Maulana Junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ walaupun dirinya pernah mukim di Madinah

Al-Munawwarah dan banyak berziarah ke Universiti Islam.

Para penyokong Albani menyifatkannya sebagai pengkaji yang bagus, suka duduk di perpustakaan meneliti manuskrip berjam-jam, dia menerima kunjungan para tamunya di sebuah pejabat yang disediakan khas untuknya dan dia adalah Ahmad bin Hanbal zaman ini seperti kata mereka dan lain-lain sanjungan lagi.

Tak mengapalah, semua sanjungan tadi bagus dan cantik tapi bagaimanakah agaknya dia akan membayar bil-bilnya yang besar atas kebenciannya, kekasarannya dan pendustaannya ke atas Saiyidina wa Maulana Junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ.

Kalau kamu -wahai ahli engkar- berada di lokasi yang sama waktu kematiannya tentu kamu tahu atas faktor apa secepat kilat dia dikebumikan pada malam itu juga dan apa yang berlaku kepada keluarga dan para pelajarnya.

Demi ALLAH kalaulah bukan kerana hadis ini:

اُذكُرُوا مَحَاسِنَ مَوتَاكُم وَكُفُّوا عَن مَسَاوِئِهِم.

"Sebutlah kebaikan mereka yang telah mati dari kalanganmu, tahanlah dari memperkatakan keburukan mereka"

…demi ALLAH kalaulah bukan kerana hadis ini nescaya orang paling dekat dengan Albani sendiri akan menceritakan keanehan apa yang berlaku lalu kamu sekalian akan kembali rujuk dari pendustaan dan permainanmu terhadap hadis-hadis Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ; "Saya rasa ini tidak soheh, yang ini pula dhaif dan yang itu maudhu'…" kamu menghukumkan itu semua dengan sesuka hatimu, dengan penyakitmu, dengan keghaflahanmu dan dengan sebab jauhnya kamu dari ALLAH yang Maha Lathif, maha Alim, Maha Khobir lagi Maha Sattar.

Allahumma lindungilah kami dengan lindunganMu yang indah demi jaah Saiyidina wa Maulana junjungan Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ yaitu lindunganMu yang menjadikan kami beroleh husnul khatimah tika sampai ajal nanti. Allahumma amin.



Ambillah Kemaafan -10

24 November 2012

Ramai junjungan terhormatku kalangan ahli sufi dan masyaikhnya yang berbagai tareqat, madrasah dan masyrab kesufian telah keletihan dan amat lelah, semua mereka berteriak dengan lisanul hal: "Kami inginkan Tasawuf Islami yang sunni, yang soheh, yang jelas!!!".

Saya mohon agar diri ini dimaafkan; kalangan kita ini sayalah yang paling dina, paling faqir, paling dhaif dan paling jahil.

Tuan-puanku -para pencinta tasawuf sekalian- mengapa kita kita tidak bermula dengan mengkiritik diri kita sendiri terlebih dahulu.

حَاسِبُوا أَنفُسَكُم قَبلَ أَن تُحَاسِبُوا وَزِنُوا أَعمَالَكُم قَبلَ أَن تُوزَنَ عَلَيكُم.

"Hisablah dirimu sebelum engkau dihisab

ALLAH, dan timbanglah amalanmu sebelum nanti ia ditimbang ke atasmu".

Kerana tasawuf itu wahai para junjunganku wajib ianya tersebar resapannya, muncul bertitik tolak dan tumbuh membesar dalam diri kita terlebih dahulu, kemudian dari itu dan setelah beroleh izin barulah akan zahir dan tersiar di luar diri kita kepada seluruh manusia.

Tuan-tuan harap sudilah kiranya saya bertanya satu soalan saja; siapakah kalangan tuan-tuan syeikh tasawuf/tareqat sekarang yang ada padanya izin soheh dan jelas dari ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ?.

Sebab semua nama syeikh popular yang sedang berada di atas pentas sekarang -melainkan yang dirahmati Tuhan- hanya beroleh izin dari syeikhnya saja (jika benar syeikhnya itu mendapat izin dari ALLAH dan RasulNya) dan izin jenis ini tidak cukup untuk kelayakan menjadi mursyid yang memimpin secara khas dan menyampaikan tarbiyyah khas serta menuntun suluk yang khas.

Saya merayu kepada tuan-tuan sekalian agar merujuk kembali kepada jalan sanad masing-masing, kembali merujuk kepada syeikh masing-masing dan tuntutlah madad tidak terkira dalam menjalani khidmat, mengikut perjalanan para pendahulu, berakhlak, bermujahadah, berzikir, beribadah dan makan yang halal, bukan tujuannya untuk menuntut

jabatan syeikh dan kepimpinan, bukan untuk mencari nama dan kemasyhuran. Renungilah sejarah para masyaikh tuan-tuan yang terdahulu bertapa perjalanan hidup mereka itu murni, suci, berperadaban tinggi, seni lagi bermanfaat -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian dan menjadikan kita semua beroleh manfaat mereka-.

Kita sekarang -yang dikatakan pejuang tareqat- adakah kita telah membina zawiyah-zawiyah baru dan memakmurkannya dengan pelajaran Al-Quran, menghafaz Al-Quran, khatam Al-Quran, zikir, muzakarah dan menjadikan zawiyah-zawiyah itu sebagai tempat berlajar dan mengajar, pusat pengajian ilmu hadis, tafsir, ilmu feqah, feqah hati dan pemurnian jiwa?

Atau apakah kaum mungkirin telah merompak dari kita segala-galanya dan menjadikan kita muflis total lalu yang kita mampu lakukan hanya bercakap tentang harapan dan mimpi?

Apakah kita menjaga dan menyelia zawiyah-zawiyah yang kita warisi dari para masyaikh dan murobbi kita atau yang dari orang tua kita? Atau apakah warisan itu telah dirompak oleh kaum mungkirin dek kerana keghaflahan kita, atau boleh jadi kita turut menonton dan berpartisipasi dalam proses rompakan itu?

Orang yang membina sebuah masjid ALLAH akan binakan baginya sebuah rumah di syurga. Tuan-tuan

pun tahu bahawa masjid itu dimasuki oleh semua jenis manusia baik yang taat, yang derhaka, yang mungkir dan yang mendusta. Sementelahan lagi zaman sekarang kaum mungkirin telah meratah masjid-masjid yang ada.

Itu membina masjid, maka bagaimana pula dengan membina zawiyah (yang dikatakan bahawa dalam zawiyah ada berbagai rahsia kebaikan, ertinya di dalamnya ada segala-galanya, zawiyah di zaman awal merupakan sebuah universiti lengkap yang bergerak dengan kemampuan seadanya di zaman mereka beserta sikap redho, merasa cukup dengan apa yang ada serta sabar)? Tuan-tuan juga tahu betapa zawiyah itu tidak dimasuki melainkan oleh ahli zikir, penuntut ilmu, orang mukmin dan orang muhsin.

Tahukah tuan-tuan sekalian bahawa sekarang sudah tidak ada lagi zawiyah dalam pengertiannya yang awal melainkan di rantau Malaysia, Indonesia dan beberapa negara jirannya? (Kata orang tua: "Tuhan kita memberi sirrNya kepada maklukNya yang paling dhaif dan negara yang paling lemah").

Tahukan tuan-tuan mengapa perang ke atas zawiyah-zawiyah bermula sejak zaman penjajahan dan orientalis

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُواْ سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لاَ

يُؤْمِنُونَ. خَتَمَ اللهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَارِهِمْ
غِشَاوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيم.

"Sesungguhnya orang-orang kafir itu sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman. (dengan sebab keingkaran mereka), ALLAH mempaterikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar" Al-Baqarah: 6-7

أَوَلاَ يَعْلَمُونَ أَنَّ اللهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ.

"Dan tidakkah mereka ketahui bahawasanya ALLAH mengetahui apa yang mereka rahsiakan dan apa yang mereka lahirkan?" Al-Baqarah: 77

Sesudah zaman mereka panji-panji perang disambut oleh ahli engkar, kaum mungkirin dan golongan penentang yang mengikut jejak penjajah

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلَ اللهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَشْتَرُونَ بِهِ ثَمَنًا
قَلِيلاً أُوْلَئِكَ مَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ إِلاَّ النَّارَ وَلاَ يُكَلِّمُهُمُ اللهُ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلاَ يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ.

“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan kitab suci yang telah diturunkan oleh Allah, dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka, dan ALLAH tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan Dia tidak membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya” Al-Baqarah: 174

Adapun golongan yang menukar prinsip dan yang mengubah dasar telah menjadi pak turut kaum orientalis

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْـهُدَى مِن بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُوْلَئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللاَّعِنُونَ.

“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayah sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam kitab suci, mereka itu dilaknat oleh ALLAH dan dilaknat oleh sekalian makhluk” Al-Baqarah: 159

[Marilah ku tuturkan padamu kisah benar ini]. Saiyidina Al-Imamul Akbar As-Syeikh Al-Kamil Abdul Halim Mahmoud As-Syazili Syeikhul Azhar

رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ telah berkata kepada anaknya Prof. Dr. Manee' (mantan dekan Kuliah Usuluddin Universiti Al-Azhar رَضِيَ اللهُ عَنهُ) : "Wahai anakku, jika diberi pilihan padamu maka aku bersumpah demi ALLAH takkan membenarkan engkau menjawat jabatan syeikh tareqat. Cukuplah aku seorang dari keluarga Abdul Halim Mahmoud. Cuma ambillah sanad ini untuk keberkatan. Aku memberi amaran padamu jangan sekali-kali kau mendakwa diri atau menonjol diri sebagai syeikh tareqat! Sesungguhnya pintu perkara ini telah ku tutup darimu."

Saiyidina As-Syeikh Abdul Halim hanya memberi amalan tareqat kepada kumpulan pegawai tentera udara yang telah menyertai perang mengalahkan Yahudi (walau penyertaan dalam jangka waktu yang pendek) jika mereka berminat memintanya. Kepada kumpulan lain beliau akan berkata: Pergilah kepada Sidi As-Syeikh Muhammad Abul 'Uyun Al-Khalwati, sesungguhnya beliau itu seorang wali quthb, ambillah tareqat darinya. Benar jawatannya sebagai wakil saya, namun beliau lebih baik dari saya".

Kita tutup dengan sebuah kisah yang dicatat oleh Saiyidina As-Syeikh Abdul Halim dalam kitabnya yang berjudul Sidi Abul Barakat Muhammad Ad-Dardiri Al-Maliki As-Sufi Al-Khalwati (mahaguru zahiri dan maknawi dalam mazhab Maliki di zamannya) رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَأَرضَاهُ : "Bahawa sultan Maghribi telah mengurniai beliau harta dalam jumlah yang besar. Kalau dengan

bahasa sekarang titah sultan kepada syeikh ialah (perbaikilah ehwal materialmu), lalu apakah yang dilakukan oleh beliau?. Syeikh pergi menunaikan haji kemudian membina zawiyahnya yang terkenal dan di situlah beliau dikebumikan رَضِيَ اللهُ عَنهُ.

Adapun Saiyidina Abdul Halim pula telah pergi dari dunia fana ini tanpa meninggalkan apa-apa harta melainkan pangsapurinya di kota Kaherah, di kawasan kejiranan Az-Zaytunah, Jalan Al-Aziz Billah yang disewanya dari seorang tuan rumah bangsa Qibthi dengan harga lima pound Mesir sebulan.

Ketika sudah hampir wafatnya beliau menyuruh agar pangsapuri itu diserah untuk dimanfaatkan oleh tuan rumah dan tidak mewariskan penyewaan kepada anak-anak beliau. Beliau juga memberi 3000 pound Mesir kepada seorang muridnya (dia adalah teman saya) dengan pesan: "Boleh jadi nanti di hari kematianku engkau tidak punya wang. Ambillah ini, mungkin kamu memerlukannya buat mengurus jenazah, pengebumian dan majlis takziahku apabila aku sudah meninggalkan dunia ini dan pergi kepada Tuhanku", -moga ALLAH meredhoi Saiyidina Abdul Halim Mahmoud dan mencapaikan keredhoan buatnya-.

Seperti merekalah contoh tauladan dan pada ahli sanad serta para masyaikh tuan-tuan ada ramai lagi yang sebegini.

Untuk makluman tuan-tuan [saya nyatakan] bahawa Saiyidina As-Syeikh Abdul Halim adalah tuan guru saya, tuan penghulu saya dan tuan guru kepada tuan-tuan guru saya dalam pelbagai bidang ilmu dan bukan syeikh tareqat saya ke jalan Akhirat. Ini saya nyatakan supaya kesaksian saya tidak dinilai cacat oleh pihak yang berkeberatan atau berburuk sangka.

yang benar

pencintamu tuan

demi ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.



